

Didakwa bersekongkol tipu PHB dua tahun lalu

# Pengurus subahat tipu tuntutan RM1.2j

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**SHAH ALAM** – Seorang pengurus besar Syarikat Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas tiga pertuduhan ber-subahat menipu PHB untuk bayaran tuntutan lebih RM1.2 juta, dua tahun lalu.

Ini melibatkan kerja-kerja yang tidak pernah dijalankan bagi projek pembinaan pusat beli-belah tujuh tingkat di Terengganu.


Tertuduh, Khairul Anuar Abd Samad, 48, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Khairul Anuar didakwa bagi semua pertuduhan dengan ber-subahat bersama perunding syarikat pembinaan berusia 43 tahun bagi menipu PHB iaitu membantunya dengan menandatangani sijil pengesahan pembayaran bertarikh 16 November 2020 dan 22 Januari 2021.

Ini bagi meluluskan pembayaran tiga tuntutan berkala oleh Syarikat Gafis (M) Sdn. Bhd. berjumlah RM1.2 juta untuk kerja-kerja ujian penerimaan kilang (FAT) membatikan beberapa peralatan sehingga mendorong PHB membayar kepada syarikat tersebut pada 9 Disember 2020 hingga 15 Februari 2021.

Tuntutan itu merupakan sebahagian daripada jumlah keseluruhan hampir RM46 juta.

Perbuatan itu dilakukan di Daerah PHB di sini, pada 1 Disem-



**KHAIRUL ANUAR** ketika tiba di Mahkamah Sesyen Shah Alam semalam.

ber 2020 hingga 8 Februari 2021.

Sabit-kesalahan boleh dihukum penjara sehingga 10 tahun, sebat dan denda mengikut Seksyen 109 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 420 kanun sama.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Ahmad Akram Gharib menawarkan jaminan

sebanyak RM50,000 bersama penjamin dan syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Mahkamah menetapkan jaminan sebanyak RM60,000 bersama penjamin dan membenarkan syarat tambahan pihak pendakwaan.

Sebutan semula kes pada 25 November ini.